



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**KERAJAAN TERUS KEKALKAN HARGA BERSUBSIDI SUSULAN
KETIDAKTENTUAN PASARAN MINYAK GLOBAL**

Harga minyak mentah global telah melonjak sejak lima minggu lalu susulan krisis tenaga di Asia Barat, yang telah meningkatkan kos petroleum serta kos berkaitan termasuk logistik dan insurans.

Walaupun terdapat penurunan harga minyak mentah global hari ini berikutan pengumuman gencatan senjata, kesannya tidak serta-merta diterjemahkan kepada penurunan harga runcit bahan api di Malaysia.

Ini kerana harga pam di negara ini ditentukan berdasarkan purata harga petrol dan diesel minggu sebelumnya, dan bukannya harga semasa hari ini.

Sehubungan itu, harga semasa masih mencerminkan kos bekalan yang tinggi sepanjang tempoh lima minggu lalu, ketika pasaran global berada pada paras yang lebih tinggi, yang telah mencecah sekitar AS\$150 setong bagi produk petrol dan AS\$250 setong bagi produk diesel, dan ini terus mempengaruhi harga runcit di dalam negara.

Justeru, selaras dengan formula *Automatic Pricing Formula* (APM), harga runcit petrol dan diesel bagi tempoh **9 April hingga 15 April 2026** adalah seperti berikut.

Harga Runcit Tanpa Subsidi

Bahan Api	Harga Runcit
RON97	RM5.35 seliter (harga 8 April 2026: RM4.95 seliter)
RON95	RM4.27 seliter (harga 8 April 2026: RM3.87 seliter)
Diesel (Semenanjung Malaysia)	RM6.72 seliter (harga 8 April 2026: RM6.02 seliter)

Manakala, Kerajaan masih mengekalkan **harga bersubsidi** secara bersasar kepada rakyat dan sektor tertentu seperti berikut:

Bahan Api	Harga Subsidi
RON95 (BUDI95)	RM1.99 seliter
Diesel (Sabah, Sarawak dan W.P Labuan)	RM2.15 seliter
Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS)	RM2.05 seliter
Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS)	RM2.15 seliter

Bermula **1 April 2026**, had kelayakan BUDI95 diselaraskan kepada 200 liter sebulan. Pelarasan ini merupakan langkah sementara sehingga keadaan bekalan global kembali stabil.

Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan **had pengisian diesel** bagi mengekang ketirisan dan penyeludupan di **Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan** seperti berikut:

Had Pengisian Diesel	Kategori Kenderaan
Maksimum 50 liter setiap pembelian	Kenderaan ringan pengangkutan darat awam barangan dan persendirian
Maksimum 100 liter setiap pembelian	Kenderaan pengangkutan darat awam dan barangan tidak melebihi 3 tan
Maksimum 150 liter setiap pembelian	Kenderaan melebihi 3 tan

Sebagai langkah sementara susulan kenaikan harga diesel, Kerajaan mengekalkan bantuan tunai tambahan **BUDI Diesel sebanyak RM100 pada bulan April, menjadikan jumlah bantuan sebanyak RM300 kepada penerima BUDI Individu dan BUDI Agri-Komoditi.**

Kerajaan MADANI akan terus memantau perkembangan global secara rapi dan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan bekalan tenaga negara kekal stabil serta mencukupi, di samping terus melindungi rakyat menerusi mekanisme sokongan bersasar yang sedia ada.

Kerajaan MADANI akan terus mengimbangi keperluan fiskal dengan perlindungan rakyat secara teliti dan berhemah bagi memastikan kesejahteraan ekonomi negara serta kelangsungan hidup rakyat terus terpelihara.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

8 April 2026